

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : Persepsi Guru-Guru Prasekolah Terhadap Iklim Kerja dan Stres Dalam Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah di Gabungan Keningau.

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : Januari 2004-Disember 2005

Saya, KILIN BINTI TOYOU mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat seperti berikut :

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara intitusi pengajian tinggi
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,



(Penulis : KILIN BINTI TOYOU)



(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:
SM Teknik Keningau,
Beg Berkunci 4,
89009 Keningau,
Sabah



(TN HJ. ABDUL SAID AMBOTANG)

Tarikh : 23 Disember 2005

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Doktor dan Falsafah dan Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan , atau disertasi bagi pengajian secara kursus dan penyelidikan , atau laporan Sarjana Muda (LPSM).



PENGAKUAN

" Saya mengaku bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

KILIN BINTI TOYOU
PS03-006(141)
DISEMBER 2005

PERIBADI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutama sekali kepada penyelia saya Tn. Hj. Abdul Said Ambotang di atas nasihat, panduan dan bimbingan beliau. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada para dekan pasca siswazah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) penyelaras program dan kepada para pensyarah kerana selalu memberikan galakan serta dorongan yang membina

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (EPRD) dan Penyelaras Unit Prasekolah di Pejabat Pelajaran Gabungan Keningau di atas kelulusan dan kerjasama yang diberikan untuk membuat kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada para guru besar dan kepada semua guru-guru prasekolah di Gabungan Keningau di atas kerjasama mereka sepanjang kerja-kerja penyelidikan ini dijalankan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali terima kasih kepada ibu dan ahli keluarga yang menjadi sumber inspirasi dan ketabahan saya.

KILIN BINTI TOYOU
23 DISEMBER 2005



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

PERSEPSI GURU-GURU PRASEKOLAH TERHADAP IKLIM KERJA DAN STRES DALAM PENGURUSAN BILIK DARJAH PRASEKOLAH DI GABUNGAN KENINGAU

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat persepsi guru-guru prasekolah yang mengalami stres berkaitan dengan iklim kerja dan tugas dalam mengurus bilik darjah prasekolah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 45 item. Prosedur kajian dijalankan ke atas semua guru prasekolah iaitu seramai 55 orang guru di Gabungan Keningau yang dipilih secara berkelompok menjadi responden kajian. Data dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif (min), inferensi (Ujian-t), ANOVA satu hala dan Kolerasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan wujudnya hubungan positif yang kuat ($r=0.807, p<0.01$) antara pembolehubah iklim kerja dengan tahap stres guru-guru dan terdapat hubungan yang kuat ($r=0.770, p<0.01$) antara pembolehubah pengurusan bilik darjah dengan tahap stres guru-guru di Gabungan Keningau. Diharapkan maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam merancang dan mereka bentuk program bagi mengatasi masalah stres di kalangan guru-guru khususnya guru-guru prasekolah ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan profesion perguruan.

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



ABSTRACT**THE PERCEPTION OF PRESCHOOL TEACHER TOWARDS
WORKING CLIMATE AND STRESS OF PRESCHOOL CLASSROOM
MANAGEMENT IN KENINGAU DIVISION**

The purpose of this research is to survey the perception of preschool teachers who endure stress in relation of working climate and class management. The research carried out by using questionnaires which consist of 45 items. This research is carried out by selecting groups of 55 preschool teachers in Keningau Division as respondents. Data are analyzed statistically using descriptive method (mean), Inferential (t-Test), One Way ANOVA and Pearson Correlation. The results showed that there is high positive relationship between working climate variable with the level of stress in teachers ($r=0.807, p<0.01$) and there is correlation between the workload in classroom management variable and the level of stress in teachers ($r=0.770, p<0.01$) in Keningau Division. It is hoped that with the information obtained by this research will assist the Ministry of Education in planning and designing a programme to overcome the stress problem faced by teachers especially preschool teachers towards improving the quality of teaching professions.



KANDUNGAN**HALAMAN**

PENGAKUAN	i
PENHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI RAJAH	vii
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Kajian Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Tujuan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Definisi Operasional	10
1.8 Batasan Kajian	14
1.9 Kepentingan Kajian	15
BAB II TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	16
2.2 Definisi Konsep	17
2.3 Model Stres	18
2.4 Kajian Lepas Dalam Negara	22
2.5 kajian Lepas luar Negara	30
2.6 Kerangka Konsep Kajian	33
2.7 Kesimpulan	33
BAB III METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	35
3.2 Rekabentuk Kajian	35
3.3 Kaedah Kajian	35
3.4 Populasi & Sampel Kajian	36
3.5 Instrumen Kajian	37
3.6 Prosedur Kajian	39
3.7 Analisis Kajian	42
3.8 Kesimpulan	44



BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	45
4.2	Analisa Kebolehpercayaan Instrumen Melalui Kajian Rintis	45
4.3	Maklumat Latarbelakang	46
4.4	Min Stres Guru-guru Prasekolah Di Gabungan Keningau	48
4.5	Analisis Perbezaan Min Stres Guru-guru Prasekolah di Gabungan Keningau Mengikut Faktor Demografi	53
4.6	Analisis Hubungan Antara Iklim Kerja Dengan Tahap Stres Guru-Guru	56
4.7	Analisis Hubungan Antara Pengurusan Bilik Darjah Dengan Tahap Stres Guru-Guru	57
48	Kesimpulan	57

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	58
5.2	Rumusan Kajian	58
5.3	Tahap Stres Mengikut Faktor Demografi	59
5.4	Hubungan Iklim Kerja Dengan Tahap Stres Guru	63
5.5	Hubungan Antara Pengurusan Bilik Darjah Dan Tahap Stres Guru-Guru	64
5.6	Pengubahsuaian Kerangka Konseptual	65
5.7	Implikasi Kajian	67
5.8	Cadangan Mengatasi Masalah Stres	68
5.9	Cadangan Kajian Lanjutan	74
6.0	Penutup dan Kesimpulan	75
	Bibliografi	77
	Lampiran	
	Lampiran A = Soal Selidik	
	Lampiran B = Kajian Rintis	
	Lampiran C = Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	
	Lampiran D = T-Test	
	Lampiran E = Anova Satu Hala	
	Lampiran F = Korelasi Iklim Kerja & Pengurusan Bilik Darjah	
	Lampiran G = Maklumat Prasekolah & Guru Prasekolah	
	Lampiran H = Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (EPRD)	



JADUAL**HALAMAN**

3.1	Taburan Sekolah Dan Guru-Guru Yang Mengajar Kelas Prasekolah Di Gabungan Keningau	36
3.2	Skala Likert 4 Markat	38
3.3	Pembahagian Item Soal Selidik	38
3.4	Pengukuran Tahap Stres	38
3.5	Nilai Kebolehpercayaan	40
3.6	Prosedur Kajian	41
3.7	Item Negatif Dan Item Positif	42
3.8	Persoalan Kajian Dan Ujian Statistik Yang Digunakan	43
3.9	Nilai Korelasi Pearson	45
4.1	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	46
4.2	Taburan Jantina Responden	46
4.3	Taburan Status Perkahwinan Responden	46
4.4	Taburan Umur Responden	47
4.5	Taburan Kategori Perkhidmatan	47
4.6	Taburan Tempoh Perkhidmatan Responden	48
4.7	Min Stres Guru-Guru Termasuk Tahap Stres, Iklim Kerja Dan Tugas Di Bilik Darjah Prasekolah	49
4.8	Min Stres Mengikut Item	50
4.9	Min Tahap Stres Dengan Iklim Kerja	51
4.10	Min Tahap Stres Dengan Pengurusan Bilik Darjah Prasekolah	52
4.11	Jadual Ujian-T Bagi Perbezaan Min Stres Berdasarkan Jantina (N=55)	53
4.12	Jantina Ujian-T Bagi Perbezaan Min Stres Berdasarkan Status Perkahwinan	54
4.13	Jadual Ujian-T Bagi Perbezaan Min Stres Berdasarkan Kategori Perkhidmatan	54
4.14	Jadual ANOVA Satu Hala Perbezaan Min Stres Berdasarkan Umur	55
4.15	Jadual ANOVA Satu Hala Perbezaan Min Stres Berdasarkan Pengalaman Mengajar	56
4.16	Hubungan Iklim Kerja Dengan Tahap Stres Guru-Guru	56
4.17	Hubungan Tugas Di Bilik Darjah Dengan Tahap Stres Guru-Guru	57



SENARAI RAJAH**HALAMAN**

2.1	Model Stres Robbins	20
2.2	Model Stres Yates	21
2.3	Model Stres Guru Kyracou & Sutcliffe	22
2.4	Hubungan Iklim Kerja dengan Stres	23
2.5	Kerangka Konsep Kajian	34
5.1	Kerangka Konsep Kajian Terubahsuai	66



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam arus pembangunan negara yang semakin pesat, peranan dan tanggungjawab guru turut menjadi semakin berat dan mencabar. Menurut Wan Mohd Zahid (1993) menjamin kualiti perkhidmatan dalam profesion keguruan pada abad ke 21 merupakan satu cabaran. Profesion perguruan di Malaysia kini semakin kompleks yang mana peranan guru tidak lagi khusus kepada mengajar, mendidik dan membimbing sahaja malah telah berkembang ke tahap pengsosialisasian, penggalakkan, pengilhaman, penyaluran nilai, penyemaian rasa hormat dan apresiasi kritikal dalam diri pelajar (Faridah Karim, 1999). Para guru diamanahkan untuk memastikan perkembangan menyeluruh pelajar, mendidik anak murid dengan menyemai serta mengasah bakat agar lahir suatu generasi masa depan yang dapat memenuhi matlamat negara. Harapan masyarakat dan *stakeholders* terhadap guru adalah terlalu tinggi dalam meningkatkan mutu pendidikan dan melahirkan anak murid yang lebih cemerlang, berilmu tinggi dan bersedia menghadapi zaman teknologi maklumat akan menjadi tugas guru lebih mencabar kerana terpaksa bekerja kuat untuk memikul berbagai tanggungjawab. Para pendidik memikul tanggungjawab yang berat dalam menyediakan generasi yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek bagi menjayakan hasrat Falsafah Pendidikan Negara dan menyahut reformasi pendidikan serta cabaran Wawasan 2020 (Tajul Ariffin, 1992).



Menurut kenyataan Kesatuan Perkhidmatan Pendidikan Kebangsaan (KPPK), permasalahan perkhidmatan, tekanan kerja, konflik peranan, kekaburan peranan, ketiadaan satu sistem sokongan sosial dari pengetua dan rakan sekerja yang kukuh dan rangkaian masalah lain yang tidak diselesaikan dengan adil dan memuaskan telah mengakibatkan ramai guru meletakkan jawatan, bertukar ke profesion lain atau memohon bersara awal dari profesion perguruan. Paling menyedihkan ialah ada antara guru-guru ini menghadapi tekanan psikologi dan mental yang berkesan sahaja membahayakan diri mereka sendiri malahan terhadap pelajar yang diajar di sekolah.

Di kebanyakan negara di dunia ini, didapati profesion perguruan merupakan salah satu pekerjaan yang memberi ketegangan yang banyak. Kajian mendapati individu-individu yang berkhidmat di dalam perkhidmatan adalah lebih terdedah kepada ketegangan berbanding pekerja-pekerja di dalam pekerjaan yang berorientasikan pengeluaran produk. Pekerjaan sebagai guru sentiasa berhadapan dengan berbagai cabaran, merasai pelbagai pengalaman pahit manis, kegembiraan dan juga kekecewaan. Anggapan masyarakat bahawa tugas guru selama lima hari adalah menyeronokkan dan mendapat cuti yang banyak adalah tidak tepat. Tugas guru amat berat kerana ia merangkumi tugas pengajaran dan bukan pengajaran. Tugas pengajaran memerlukan guru berusaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan banyak lagi tugas-tugas khas lain yang terpaksa dibuat (Shahbudin Ngah, 1986). Di samping itu juga mereka juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum, menghadiri mesyuarat, memeriksa buku latihan dan membuat persediaan mengajar. Guru juga terpaksa berhadapan dengan nazir, pengetua dan pengawai pendidikan daerah yang kerap mengadakan lawatan dan menyelia kerja guru. Ini semua boleh menyebabkan guru rasa tertekan.

Memang tidak dinafikan tekanan akan mengganggu ketenteraman dalam menjalankan tugas. Menurut Shababuddin Hashim,(2003) tekanan atau stres dikatakan berasal dari perkataan Greek iaitu "*stringere*". Perkataan tersebut bermaksud "tegang" atau "ketat". Istilah tersebut berasal dari istilah kejuruteraan yang merujuk kepada tenaga yang dikenakan ke atas sesuatu objek kemudian digunapakai dalam disiplin-disiplin ilmu yang lain antaranya ialah bidang perubatan, biologi dan psikologi. Tekanan merupakan satu pengalaman yang lumrah dalam kehidupan manusia. Manusia tidak dapat melepaskan diri daripada mengalami stres dalam kehidupan sehariannya. Bagi kehidupan seorang guru tekanan yang dihadapi dalam pekerjaannya akan mempengaruhi prestasi kerja dan pencapaian murid yang rendah. Ini disebabkan guru kurang mengambil berat tentang pengajarannya menyebabkan terganggunya perkembangan pembelajaran murid. Morris (1990), sebarang situasi yang menyebabkan seseorang itu merasa terancam atau tertekan jikalau ia tidak berubah atau menyesuaikan diri dengan keadaan itu akan menyebabkan tekanan.

Menurut Fatimah Saleh,(1993) tidak semua orang sanggup melayani karenah kanak-kanak yang datang dari pelbagai latar belakang, sosio-ekonomi dan budaya. Hanya guru yang mempunyai niat ikhlas, sabar dan berilmu dapat bertahan lama di prasekolah atau tadika. Pendidik prasekolah mempunyai peranan penting dalam menunjang perkembangan dan pembentukan peribadi kanak-kanak (Lydia Indriany, 2003). Tugas guru prasekolah tidaklah mudah dan ini merupakan beban kerja bagi guru. Sesetengah masyarakat menganggap profesion pendidik awal kanak-kanak sesuatu yang mudah dan sesiapa pun boleh mengajar kanak-kanak. Perubahan pendidikan mengikut keadaan semasa yang mencabar mempengaruhi cita rasa ibu bapa yang ingin melihat anak mereka berjaya dalam pencapaian akademik dalam masa usia yang kecil turut membebankan tugas guru. Jika



keadaan sedemikian dibiarkan berterusan agak pasti suasana pengajaran-pembelajaran di sekolah akan menuju ke arah satu keadaan yang tidak terurus dan akan menghadapi kegagalan untuk mencapai matlamat yang diidamkan.

Leupold (dalam Sapora, 2001) menjelaskan guru prasekolah menghadapi stres yang berpunca dari pelbagai pihak seperti kanak-kanak, ibu bapa, masyarakat, rakan sebaya dan pihak pentadbir termasuklah bebanan tugas yang tinggi. Pelbagai tingkah laku kanak-kanak yang bermasalah menambahkan bebanan guru prasekolah. Tugas melaksanakan arahan pentadbiran sekolah dan prasekolah turut menyumbang tekanan kepada guru prasekolah.

Stres kerja adalah faktor terpenting yang akan memberi kesan kepada produktiviti sesebuah organisasi dan pencapaian individu melalui gangguan emosi, mental, tingkahlaku dan fisiologi. Walau bagaimanapun stres lebih banyak mendatangkan kesan negatif. Perasaan tertekan ini boleh menyebabkan individu tersebut tidak dapat menjalankan fungsinya sebagai guru yang penyayang dan penyabar disebabkan simptom-simptom stres seperti mudah berang, marah dan bersifat garang akibat tekanan di tempat kerja dan juga dari dalam diri sendiri. Menurut Kryiacou (dalam Peter Songan, 2002) stres kerja boleh menurunkan prestasi kerja, ketidakhadiran kerja yang kerap, bersara awal, kerap mengabaikan tanggungjawab, kurang fleksibel atau terlalu tegas. Sekiranya stres tidak diatasi, kesan-kesan dalam bentuk sakit mental, tingkah laku negatif dan keadaan fizikal yang serius seperti timbulnya penyakit darah tinggi, penyakit jantung, sakit pinggang dan berbagai jenis penyakit psikomatik.

Kebelakangan ini pelbagai program baru telah diperkenalkan di prasekolah seperti pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan dan pengajaran berteraskan teknologi maklumat. Selain daripada itu pemilihan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan perubahan zaman dan kecanggihan teknologi turut menjadi tekanan kepada



guru (Sapora Sipon ,2001). Oleh yang demikian kajian ini dibuat untuk menentukan punca dan tahap stres di kalangan guru prasekolah di Gabungan Keningau.

1.2 Latar belakang Kajian

Pada masa kini stres di kalangan guru telah menjadi topik yang hangat diperkatakan dan menjadi kebimbangan golongan masyarakat dan pendidik. Perkara utama yang menjadi kebimbangan kepada golongan ini apabila mereka memikirkan tentang implikasi yang dibina oleh guru-guru yang mengalami stres terhadap kualiti pendidikan dan mutu perkhidmatan yang disediakan. Tiap-tiap individu mempunyai kemampuan yang berbeza dalam menjalankan tugas-tugas hariannya. Semakin tinggi keupayaan bekerja individu semakin tinggi efesien dan efektif ianya bekerja sehingga beban kerja yang dirasakan menjadi ringan. Secara umum, kemampuan manusia bekerja adalah terbatas dalam aspek fizikal, mental, sosial dan sebagainya (Mohammad Razali, 1998).

Bekerja dengan kanak-kanak bukanlah sesuatu tugas yang mudah. Ini kerana ianya memerlukan guru-guru prasekolah yang terlatih khas tentang perkembangan menyeluruh kanak-kanak. Bebanan tugas yang dipikul oleh guru-guru prasekolah amat terasa. Ini kerana tugas-tugas mentadbir, mengurus, dan mendidik dilakukan oleh mereka sendiri walaupun dalam organisasi yang kecil. Antara tugas mereka adalah mengurus rekod-rekod peribadi kanak-kanak, inventori alat dan kewangan, dan juga sentiasa membuat alat bantu mengajar semuanya harus dipikul oleh guru prasekolah. Keadaan-keadaan ini merupakan faktor-faktor stres di kalangan guru-guru prasekolah. Harapan-harapan ibu bapa yang mengunung tinggi terhadap pencapaian akademik kanak-kanak turut menyumbangkan tekanan kepada guru-guru prasekolah. Terdapat rungutan daripada ibu bapa kerana kanak-kanak belum pandai membaca, menulis dan

mengira sedangkan mereka sudah dihantar ke taman asuhan kanak-kanak (Fatimah Saleh, 1993). Harapan tinggi ibu bapa menimbulkan masalah dan kontroversi bagi guru-guru prasekolah dan pengusaha Taman Asuhan Kanak-kanak. Sesetengah masyarakat juga menganggap bahawa tugas-tugas guru-guru prasekolah amatlah mudah dan tidak perlu kelayakan yang tinggi dalam bidang tersebut

Kajian Goodlad (dalam Noran Fauziah, 1990) mendapati 15% guru sekolah rendah dan 11% guru sekolah menengah menyatakan mereka suka akan kanak-kanak. Ini menunjukkan tidak semua guru suka bekerja dengan kanak-kanak. Faktor tidak minat ini juga boleh menjadi sumber stres kepada guru-guru terutamanya guru lelaki yang mengajar kanak-kanak prasekolah. Situasi begini kadangkala menjadi punca stres guru-guru prasekolah .

Terdapat banyak kesan yang disebabkan oleh pengaruh iklim kerja termasuklah stres. Iklim kerja terdiri daripada aspek sosial, persekitaran fizikal, sistem pentadbiran, prestasi pelajar dan keadaan fizikal sekolah. Iklim kerja akan mempengaruhi stres, akademik pelajar, prestasi sekolah dan setiap yang berkaitan dengan sekolah. Ini bermakna segala faktor dalam iklim kerja iaitu bebanan kerja yang banyak, prestasi sekolah, konflik peranan, tugas-tugas perkeranian, sokongan rakan dan pentadbir merupakan aspek-aspek dalam iklim kerja yang boleh mempengaruhi stres selain daripada faktor dalaman guru iaitu minat terhadap pendidikan awal kanak-kanak (Mohammed 2001).

Rahimah Ahmad ,(1992) menggunakan empat kriteria untuk mengukur iklim sekolah yang berkesan antaranya iaitu termasuk perhubungan interpersonal, pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran dan kemudahan fizikal. Iklim kerja di kelas prasekolah merangkumi masa untuk mengajar, masa untuk bacaan, strategi pengajaran, penilaian, kemajuan dan keperluan kanak-kanak.



1.3 Pernyataan masalah

Sejak dahulu dan sehingga kini isu-isu mengenai stres guru hangat diperbincangkan di media-media masa sehingga menjejaskan profesion perguruan amnya. Pelbagai peristiwa yang dilakukan oleh guru contohnya mencederakan pelajar, kes rogol dan sebagainya dikaitkan dengan fenomena stres yang melanda guru semasa menjalankan tugas yang mulia ini. Stres guru merupakan ancaman negara untuk mencapai wawasan dan aspirasi pendidikan. Pelbagai sumber yang dikenalpasti menyumbangkan stres guru. Beberapa punca utama yang menjadi penyebab guru di Malaysia mengalami tekanan ialah beban tugas dan kesuntukan masa (Kamsuri Ibrahim, 1997). Pembangunan negara yang pesat dengan pelbagai perubahan yang berlaku dalam masyarakat dalam persiapan menuju ke arah abad ke 21 tidak akan meringankan beban tugas guru di semua peringkat termasuklah pendidik kanak-kanak prasekolah. Profesion perguruan mempunyai pelbagai tugas yang perlu dilaksanakan seperti mengajar, membuat alat bantu, menjalankan tugas-tugas perkeranian bagi organisasi sekolah, dan juga menjalankan tugas-tugas harian seperti guru lain yang bukan mengajar prasekolah. Berdasarkan kepada senarai tugas yang dilakukan oleh guru, fenomena stres mempengaruhi budaya kerja guru.

Stres boleh berlaku disebabkan oleh iklim kerja di sekolah dan tugas-tugas guru yang bukan hanya mengajar. Hubungan iklim kerja dan stres memang berlaku di setiap organisasi termasuklah sekolah. Sehubungan dengan itu kaitan stres yang berlaku di kalangan guru termasuklah guru-guru prasekolah yang disebabkan oleh iklim kerja dan dan tugas-tugas mengurus bilik darjah amat perlu diketahui samada faktor tersebut mempengaruhi stres guru. Pekerjaan dan iklim kerja mempengaruhi kemampuan, pengalaman, pendidikan dan kesihatan yang dimiliki oleh individu. Kajian Roy Bailey (dalam Noran Fauziah, 1990) mendapat



8

bahawa persekitaran di tempat kerja menjadi sumber utama stres yang berlebihan berbanding dengan pekerjaan. Stres guru bukan sahaja dipengaruhi oleh iklim kerja yang tidak kondusif tetapi adakalanya berlaku dalam suasana terbuka dan tertutup. Iklim kerja yang sihat dan kondusif memberi kesan positif manakala iklim kerja yang tidak sihat memberi kesan negatif kepada pekerja.

Dalam konteks negara amatlah perlu mengetahui tekanan yang dialami oleh guru khasnya guru prasekolah. Adakah ia telah berada pada tahap yang membimbangkan atau baru berada di tahap yang rendah? Sehubungan dengan itu adalah baik kajian ini dibuat untuk mengetahui persepsi guru-guru prasekolah mengenai gejala stres yang berkaitan dengan iklim kerja dan tugas mengurus bilik darjah prasekolah. Persoalan juga timbul mengenali terdapatnya faktor demografi lain yang tidak diketahui setakat mana mempengaruhi stres. Di antara faktor demografi yang dianggap mempunyai kaitan ialah jantina, tahap pendidikan, jawatan yang disandang, jumlah jawatan yang disandang serta pengalaman mengajar. Semoga persoalan ini diharapkan dapat menggambarkan keadaan sebenar alam pekerjaan yang dihadapi oleh guru-guru prasekolah dan semoga usaha ini dapat mewujudkan suasana tugas dengan penuh ikhlas dan mencapai kesejahteraan hidup serta mengelakkan 'stres' agar perkhidmatan guru cemerlang dapat dicapai di kalangan semua guru.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian dan objektif kajian yang dikemukakan, beberapa persoalan kajian yang berikut diharap akan cuba dijawab melalui kajian ini.

- a. Apakah tahap stres di kalangan guru-guru prasekolah Gabungan Keningau?

- b. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap 'stres' guru-guru prasekolah di Gabungan Keningau mengikut jantina, pengalaman bekerja, status perkahwinan, dan gred perkhidmatan?
- c. Adakah iklim kerja mempunyai hubungan positif dengan tahap 'stres' guru-guru?
- d. Adakah pengurusan di bilik darjah mempunyai hubungan positif dengan tahap stres guru-guru prasekolah di Gabungan Keningau?

1.5 Tujuan Kajian

Kajian mengenai stres di kalangan guru telah banyak dijalankan namun kajian tentang stres di kalangan guru prasekolah adalah kurang popular. Kajian ini bertujuan untuk melihat samada guru-guru prasekolah di Gabungan Keningau mengalami stres di dalam profesion perguruan ini. Kajian ini akan mengenalpasti faktor yang menyebabkan stres di kalangan guru tersebut dan item-item yang terlibat yang menjadi punca stres. Beberapa faktor demografi seperti jantina, umur, jawatan yang disandang dan pengalaman mengajar untuk mengetahui samada ia mempengaruhi faktor-faktor yang menyebabkan stres di kalangan guru-guru prasekolah Gabungan Keningau. Kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif kajian seperti yang berikut.

- a. Meninjau stres yang dialami oleh guru-guru prasekolah di Gabungan Keningau yang berpunca daripada pelaksanaan tugas mereka di sekolah.
- b. Melihat faktor demografik seperti jantina, status perkahwinan, gred jawatan, umur dan tempoh perkhidmatan yang mempengaruhi stres di kalangan guru-guru prasekolah di Gabungan Keningau.
- c. Mengenal pasti hubungan antara iklim kerja dengan stres guru-guru prasekolah di Gabungan Keningau.

d. Mengenal pasti hubungan antara tugas dalam pengurusan bilik darjah prasekolah dengan stres guru-guru prasekolah di Gabungan Keningau.

1.6 Hipotesis Kajian

- Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap stres di kalangan guru dari segi demografik seperti jantina, kategori perkhidmatan, pengalaman mengajar, umur dan status perkahwinan
- Ho2: Tidak terdapat hubungan positif di antara faktor iklim kerja dengan tahap stres guru-guru prasekolah di Gabungan Keningau.
- Ho3: Tidak terdapat hubungan positif di antara faktor pengurusan di bilik darjah dengan tahap stres guru-guru prasekolah Gabungan Keningau.

1.7 Definsi Operational

1.7.1 Iklim Kerja

Iklim kerja oleh pengkaji-pengkaji khususnya di kalangan ahli psikologi industri dan organisasi. Pengkaji-pengkaji Barat menyifatkan iklim organisasi sebagai suatu unsur fizikal yang dapat dilihat sebagai suatu atribusi dari organisasi atau sebagai suatu atribusi daripada persepsi individu sendiri. Terdapat tiga jenis iklim kerja biasa terdapat dalam sesebuah organisasi iaitu iklim terbuka, iklim sederhana dan iklim tertutup. Halpin,(1996) menyatakan iklim terbuka adalah merujuk kepada suasana kerja yang selesa di samping mempunyai unsur-unsur kekitaan di tempat kerja khasnya di sekolah. Guru-guru tidak dibebani dengan kerja-kerja rutin manakala pentadbir telah matang dalam mengintegrasikan secara positif antara hal-hal peribadi dan tugas kepengetuaan. Pendek kata keadaan adalah terkawal, kepimpinan pengetua disenangi oleh semua warga sekolah.

Iklm sederhana pula adalah merujuk kepada suasana kerja yang mesra di kalangan pentadbir dan guru-guru. Kerjasama sosial dalam konteks ini adalah sangat tinggi manakala usaha ke arah meningkatkan produktiviti adalah rendah. Oreintasi peraturan tidak ditekankan malah pengetua dianggap sebagai rakan yang kurang menekankan sempadan bagi urusan rasmi dan tidak rasmi. Iklm kerja tertutup pula menggambarkan suasana ketidakpuasan bekerja kerana tidak wujud kesungguhan dan semangat kekitaan di kalangan ahli. Selain daripada itu kerjasama adalah kurang, hubungan pengetua dan guru pula terlalu formal. Secara amnya iklm tertutup adalah bertentangan dengan iklm terbuka.

Iklm kerja di sekolah dikatakan sebagai suasana yang merangkumi sikap yang dikongsi bersama oleh pelajar, guru, kakitangan dan populasi di sekolah. Secara amnya suasana bekerja dalam sesebuah organisasi merangkumi seluruh persekitaran pembelajaran termasuk fizikal dan psikologi yang mempengaruhi sikap, tingkah laku dan pencapaian individu di sekolah. Jika sekolah dapat mewujudkan corak iklm yang sihat maka guru dan pelajar lebih bermotivasi dan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Rahimah Ahmad, (1982) iklm kerja dapat disimpulkan sebagai sifat keseluruhan sekolah sebagai satu sistem sosial termasuk dimensi afektifnya dan keseluruhannya yang membezakan dengan sekolah-sekolah yang lain tetapi juga mempengaruhi segala perlakuan di dalamnya dan pencapaian matlamat sekolah akhirnya. Kesimpulannya iklm kerja dalam kajian ini menerangkan tentang iklm kerja di sekolah yang menggabungkan semua ciri-ciri termasuk sikap, budaya dan suasana persekitaran pembelajaran yang membezakan sesebuah sekolah dengan yang lain dapat mempengaruhi perlakuan tingkah laku ahlinya di dalamnya.

1.7.2 Stres

Stres dari perkataan "*eustres*" yang membawa maksud boleh menyesuaikan diri dan stres yang membina. Istilah tersebut juga berasal daripada perkataan "*distres*" yang bermaksud tidak boleh menyesuaikan diri. Ia bukan penyakit tetapi boleh menjejaskan kesihatan jika berlaku dalam jangkamasa yang panjang. Stres adalah reaksi terhadap tekanan yang berlebihan. Menurut Selye, (1974) stres ialah tindak balas atau reaksi yang tidak spesifik terhadap sebarang permintaan atau rangsangan. Stres dapat didefinisikan sebagai tindak balas psikologi dan fizikal kepada diri individu apabila individu itu tidak dapat menseimbangkan tugas atau tanggungjawab dengan keupayaan diri (Bahagian Pendidikan Guru, 2005).

Menurut Cary Cooper (dalam Jacinta F.Rini, 2002) punca stres adalah disebabkan oleh iklim kerja, masalah peranan, hubungan interpersonal dan struktur organisasi. Stres ialah sebarang bentuk idea, situasi atau persekitaran yang mempengaruhi kesan kepada diri dari segi fizikal, biologikal dan psikologikal. Antara ciri lain stres ialah:

- a. Respon terhadap jangkaan ancaman, cabaran dan perubahan.
- b. Respon daripada fizikal dan psikologikal terhadap sesuatu permintaan.
- c. Tahap psikologikal dan perubahan fizikal.

Konsep-konsep '*burn out*' dan '*stress*' telah digunakan secara silih berganti dalam berbagai-bagai penulisan walaupun pada hakikatnya ada perbezaan di antara kedua-dua konsep tersebut. Ini adalah kerana terdapat persamaan ciri-ciri dan symptoms-symptoms pada individu yang mengalami masalah-masalah tersebut.

1.7.3 Prasekolah

Pendidikan awal kanak-kanak meliputi kanak-kanak berumur dari 3-6 tahun yang bermaksud pendidikan di peringkat prasekolah (Fatimah Salleh,1993). Pendidikan Prasekolah bertujuan untuk menyediakan asas pendidikan formal iaitu persediaan sebelum melangkah masuk ke sekolah rendah. Kurikulum Kebangsaan Prasekolah (2001) yang selaras dengan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan membolehkan kanak-kanak memperolehi kemahiran asas komunikasi, kemahiran sosial, dan kemahiran lain seperti persediaan fizikal, intelektual, rohani dan nilai estetika. Tiga badan yang menganjurkan kelas prasekolah ialah agensi kerajaan dan separa kerajaan, organisasi sukarela dan persendirian. Kajian ini menumpukan prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang ditubuhkan di beberapa sekolah rendah terpilih di Malaysia yang mendidik kanak-kanak-kanak berumur 5-6 tahun.

1.7.4 Guru-guru prasekolah

Guru ialah seseorang yang memberi pengajaran atau menyebabkan seseorang lain mengetahui atau dapat membuat sesuatu. Guru-guru prasekolah bermaksud seseorang guru yang telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan mengajar mata pelajaran prasekolah. Mereka yang -terdiri daripada pegawai perkhidmatan bukan siswazah terlatih dan siswazah terlatih yang sedang berkhidmat di sekolah rendah dan mengajar kelas prasekolah iaitu kanak-kanak yang berumur enam di Gabungan Keningau. Nor Hashimah Hashim,(2003), di Malaysia pendidik prasekolah mempunyai pelbagai kelayakan akademik daripada yang berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran sehinggalah di peringkat sarjana.



1.7.5 Bilik darjah prasekolah

Bilik darjah ditakrifkan sebagai sebuah bilik di mana sekumpulan murid diajar oleh seorang guru. Bilik darjah prasekolah direkabentuk agar keselamatan kanak-kanak terjaga serta dapat mewujudkan hubungan mesra antara guru dengan kanak-kanak. Guru dan kanak-kanak akan menghabiskan sebahagian besar waktu persekolahan di dalam kelas tersebut (Ee Ah Meng, 1997). Persekitaran pembelajaran seperti lantai, dinding, cahaya dan ruang serta peralatan merangsang pembelajaran kanak-kanak prasekolah yang berbeza dengan kanak-kanak sekolah rendah. Di dalam kelas pula terdapat sudut-sudut pembelajaran seperti sains, sudut blok, permainan manipulasi, sudut muzik dan sebagainya.

1.7.6 Gabungan Keningau

Gabungan Keningau bermakna gabungan daerah-daerah kecil kepada satu pusat pentadbiran di Pejabat Pelajaran Gabungan Keningau. Nama asal adalah Pejabat Pelajaran Daerah. Antara daerah-daerah yang digabungkan adalah Daerah Tambunan, Daerah Keningau, Daerah Tenom dan Daerah Nabawan.

1.7.7 Pembolehubah

Pembolehubah bersandar adalah stres dan pembolehubah tak bersandar adalah iklim kerja dan pengurusan bilik darjah prasekolah. Terdapat juga beberapa pembolehubah bebas seperti jantina, umur, kategori perkhidmatan, status perkahwinan dan tempoh perkhidmatan yang menjadi faktor berlakunya stres.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada guru-guru yang mengajar kelas prasekolah anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia di Gabungan Keningau sahaja. Kajian ini tidak

mengambil kira guru-guru yang mempunyai opsyen mengajar prasekolah tetapi tidak mengajar kelas tersebut. Hanya 69 orang sampel orang guru iaitu keseluruhan populasi yang akan diambil menjadi subjek kajian di 52 buah sekolah rendah yang memiliki kelas prasekolah. Tempoh kajian yang dijalankan bermula pada bulan September sehinggalah penghujung bulan Oktober pada tahun 2005.

1.10 Kepentingan Kajian

Memandangkan kepada betapa seriusnya masalah stres ini di kalangan guru-guru prasekolah maka adalah penting untuk menentukan tahap stres kerja yang dialami, mencari penyebab-penyebab utama stres kerja serta mengetahui cara atau strategi mengatasi stres kerja yang digunakan. Hasil kajian akan menyediakan beberapa alternatif dan panduan kepada pihak-pihak signifikan khususnya di kalangan pentadbir dan pengurus sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia amnya bagi mengatur strategi-strategi menghadapi masalah stres yang disebabkan oleh iklim kerja terhadap guru-guru prasekolah.

Selain daripada itu maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian membantu pihak-pihak berkenaan dalam merancang dan mereka bentuk program bagi meningkatkan persekitaran kerja yang selesa, seronok dan kondusif.

Kajian ini juga dapat membantu intitusi-intitusi latihan perguruan dan intitusi pengajian tinggi dalam merancang pelbagai program dan aktiviti latihan untuk menghasilkan guru-guru yang dinamik, mempunyai ketahanan fizikal dan intelek.

Pengkaji berharap kajian yang dijalankan dapat memberi sumbangan kepada mana-mana pihak yang berkepentingan terhadap corak-corak iklim kerja yang dan faktor-faktor yang mempengaruhi stres guru-guru prasekolah.

BIBLIOGRAFI

Jurnal

- Dick, R.V & Wagner,U.2001. *Stres and Strain in Teaching a Struktural Equation Approach: British Journal Of Educational Of Educational Psychology*.**71**: 243-259
- Esah Sulaiman.1997. *Stres Di Kalangan pensyarah Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim : Satu Kajian kes : Jurnal Akademik MPTI Jilid 9*: 15-19.
- Fatimah Saleh, Khadijah Zon & Zurida Ismail. 1993. Kurikulum Pendidikan Awal : Ke arah Pendidikan Holistik: *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jilid.**12**, 33-34
- Faridah Karim & Zubaidah Aman.1999. Peramal Burnout di kalangan guru: Faktor latar belakang, tekanan di peringkat organisasi dan sokongan sosial. *Jurnal Pendidikan*, Jilid /Vol 24.
- Jean Martin.2002. Pengurusan Tekanan Kerja Di Kalangan Guru Prasekolah.*Jurnal Maktab Perguruan Gaya. Jilid 9*:1-9.
- Johari Ariffin.1994. Peranan Guru Dalam Merealisasikan Wawasan 2020: *Jurnal Guru*. **6**:364-370
- Mohamad Bin Hj. Daud .1992. Tugas dan Masalah Guru Dalam Mengendalikan Kurikulum Prasekolah . Kuala-Lumpur : Universiti Malaya, *Jurnal Pendidikan*. **Viii**, 240p
- Musa Mohamad Razi & Syed Idrus Syed Ahmad. 1994. Sekolah Satu Intitusi Masyarakat : Konsep Perkongsian. *Jurnal Pendidikan* **38** : 15-23
- Musa Sulaiman. 2000. Kepengetuaan, Kepimpinan, Tugas dan Hubungannya Dengan Falsafah Pendidikan: Satu Kajian: *Jurnal Pendidikan Guru*.**13**:1-11
- Kyriacou,C.& Sutcliffe,J.1977. *Teacher Stress: A Review. Educational Review*. 29(**4**),299-306.
- Rahimah Hj. Ahmad.1992. Perkaitan Di Antara Corak Kepimpinan Guru Besar, Iklim Sekolah dan Pencapaian Murid Di Sekolah Rendah Di Dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: *Jurnal Pendidikan*. **9**:75-85.
- Sabitha Marican .1988. Memahami Konflik di Tempat Kerja-Satu Analisa : *Jurnal Produktiviti*, Bil 4. Pusat Daya Pengeluaran Negara.
- Sabitha Marican. 1995. Program Pengurusan Stres Ke Arah Membentuk Budaya Kerja Produktif: *Jurnal Produktiviti*. **17**, 35-59.
- Peter Songan & Narawi Bin Udin. 2002. Tahap dan Punca Stres Kerja di Kalangan Pengetua Sekolah Menengah Di Sarawak. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan*, Kementerian Pendidikan Malaysia: *Jilid 4*, 1-17.



- Wan Ahmad Nasir Hassan.1994. Pentadbiran/Pengurusan Sekolah Ke Arah Peningkatan Disiplin Sekolah: *Jurnal KPM*. Jilid **XXIX** : 20-32
- Yap Kok Yam. 1994. Beberapa Cadangan Kepada Para Pendidik Untuk Menjaga Kesihatan Mental Yang Baik: *Jurnal Pendidikan, Maktab Perguruan Sandakan*, **5**: 34-36
- Yap Teong Hoon & James Fernandez.1994. Guru Besar Dan Pentadbiran Sekolah: *Jurnal KPM*. Jilid **XXIX** : 12-18

Buku

- Abd.Rahim Abd.Rashid.1999. *Profesionalisme Motivasi Pengurusan Bilik Darjah*. Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Atan Long.1984. *Pendidik dan Pendidikan*. Petaling Jaya. Penerbit Fajar Bakti.
- Azizah Lebai Nordin & Zainun Ishak. 1999. *Pendidikan Prasekolah Untuk Guru*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Ee Ah Meng .1997. *Pedagogi I, Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah. (Semester II)*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Esah Sulaiman. 2003. *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai : Penerbit Universiti Malaysia.
- Gold, Y. And Roth, R.A.1993. *Teachers managing stress and preventing burnout : The professional health solutions*. London: The Palmer Press.
- Halimah Abdul Rahman & Kamariah Ibrahim. 1993. *Pengurusan dan pengelolaan Pusat Prasekolah*. Kuala-Lumpur: Penerbit Fajar Bakti
- Halpin,A.W.1996. *The Organizational Climate of School. Theory and Research In Administration*.New York: The Macmillan Publishing.Co.
- Selye.H.1996. *The Stress of Life*.New York. Mc Graw Hill.
- Hatta Sidi & Mohamed Hatta Shahrom .2002. *Mengurus Stres: Pendekatan yang praktikal*, Kuala-Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Saad. 1986. *Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala-Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Haji Husin .1994. *Dinamika Sekolah dan Bilik Darjah*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Kassim Abd. Saat .1990. *Hubungan di antara tekanan kerja, kepuasan kerja dan kecenderungan untuk berhenti kerja di kalangan guru-guru KBSM*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.



- Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Morris, C.G. 1990. *Psychology : An Introduction*. New Jersey : Prentice Hall.
- Noran Fauziah Yaakub, Ahmad Madzan Ayob.1990. *Guru dan Perguruan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Selangor Darul Ehsan.
- Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah.2003. *Panduan Pendidikan Prasekolah*. PTS Publication & Distributors. Sdn.Bhd.
- Noraini Ahmad.1994. *Bagaimana Meleraikan Diri Daripada Perangkap Masa*. Kuala Lumpur. Berita Publishing Sdn.Bhd.
- Robiah Sidin. 1993. *Classroom Management*. Kuala-Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Robbins,P.S.1993. *Organizational Behaviour: Concept, Controversies And Application*. New Jersey, Prentice Hall International Inc.
- Seefeldt,C.and Galper, A.1994. *Early Childhood Education: An Introduction*.(4th.Ed).New Jersey: Prentice Hall.
- Shababuddin Hashim & Rohizani Yaakub.2003. *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Sidek Mohd.Noah.2002. *Reka Bentuk Penyelidikan. Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Syahrarom Abdullah .1990. *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan*.PPP Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Tajul Ariffin Bin Noordin & Nor Aini Bte Dan. 1992. *Pendidik dan Wawasan 2020: Falsafah Pengurusan dan Persekolahan*. Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.1993. *Wawasan Pendidikan : Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Z.Ahmad Ismail .2002. *Motivasi Menang dengan Keyakinan Diri*. Kuala-Lumpur : Berlian Pulications.

Tesis-Latihan Ilmiah

- Abu Omar bin Mos. 1996. *Punca Dan Tahap Tekanan Pengurusan Di Kalangan Pentadbir Sekolah Rendah*. Tesis M.Ed. Universiti Malaya.
- Abdul Wahid Nuruddin.1996. *Stres Pekerjaan Di Kalangan Guru*. Tesis Sarjana Universiti Utara Malaysia.



- Idris Awang. 1986. *Teacher's Problems in Teaching English in Secondary Schools in Kota Bahru. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya.*
- Kamsuri Ibrahim.1997. *Satu Kajian Mengenai Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Ketegangan (Stres) Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Daerah Bentong Pahang.* Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Ishak Abdul Aziz.1989. *Iklm Organisasi dan Prestasi kerja : Satu kajian mengenai pegawai di Jabatan Perdana Menteri.* Tesis M.P.A, Universiti Malaya.
- Shahbudin Ngah.1986. *Satu kajian mengenai tugas guru di dua buah sekolah menengah di daerah Muar.* Johor. Kajian Ilmiah, Universiti Malaya.
- Siti Fatimah Awang.1993. *Hubungan Antara Pengurusan Masa Dan Tahap Ketegangan Di Kalangan Pengetua Sekolah Menengah.* Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rodziah Md. Sais.1982. *Beberapa Faktor Yang Mempengaruhi Ketegangan Serta Kesannya Ke Atas Guru Di Sebuah Sekolah Di Kajang.* Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rohani Md.Sharif. 1991. *Pengaruh Faktor Sekolah Ke Atas Tekanan Guru.* Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Zaini Biri Osman.2005. *Stres Kerja Di Kalangan Guru-Guru Sains Dan Matematik Sekolah Menengah Yang Terlibat Dengan Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Di Dalam Bahasa Inggeris Di Daerah Kudat.* Latihan Ilmiah Sarjana Pengurusan Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.

Kertas Kerja

- Bahagian Pendidikan Guru.2005. *Pengurusan Tekanan. Modul Penyuburan Diri Insan Guru 1/3 : Kursus Diploma Perguruan Malaysia (LPBS), 53-62*
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Laporan Kajian Kes Pendidikan Prasekolah. Kuala-Lumpur, Bahagian Penyelidikan Pendidikan Dengan Kerjasama UNICEF.
- Mukthar Awang, Mohd Yazid, Mohd Noor Mohd Zain et.al. 1999. *Sekolah Berkesan: Citra Watak-Watak Perwatakan Kedinamisme Kepengetuaan:* Kertas Kerja, Institut Pendidikan Darul Aman, Jitra , Kedah.
- Sapora Sipon .2001. *Pendidikan Prasekolah Berkualiti : Cabaran dan Realiti.* Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Prasekolah, Anjuran Yayasan Sabah & Universiti Malaysia Sabah, Hotel Promindade, Kota-Kinabalu. Sabah.



Internet

- Hanipah Hussin .1999. *Learning to be reflective*, <http://myschoolnet.ppk.kpm.my/pNp/kj/kj/tinjau-awal/analisis.htm#>: Retrived from internet on : 3.8.2005
- Herlina. 2003. Hubungan Antara Iklim Organisasi Dengan Motivasi Berprestasi Pada Karyawan. <http://www.psikologi-untar.com/abstrak/tampil.php?id=40>, Retrieved from Internet on : 3.8.2005
- Jacinta F. Rini .2002. Stress kerja : <http://www.e-psikologi.com/masalah/stress.htm>. Retrieved from internet on 4.8.2005
- July Hartini. 2003. Hubungan Tingkat Stress Kerja dengan Efektivitas Pengambilan Keputusan pada Manajer, [Http://www.psikologi-untar.com/abstrak/tampil.php?id=40](http://www.psikologi-untar.com/abstrak/tampil.php?id=40), Retrieved from Internet on :4.8.2005
- Kathleen Alape Carpenter. 2003. *Teacher Tax Relief Act Leaves Many Teachers Behind*.<http://www.google.com.my/search?q=cache:dq4em3kIVZkJ:teachers.net/gazette/FEB03/covera.html+stress+preschool+teacher&hl=en>, Retrieved from Internet on 4.10.2004
- Younghusband L. Norman Garlie, & ElizabethChurch.2004. *Higher School Teacher Stress in NewFounland, Canada: A work in Progress*, http://www.google.com.my/search?q=cache:jx5cJgpP1YcJ:www.hiceducation.org/Edu_Proceedings/Lynda%2520Younghusband.pdf+stress+preschool+teacher&hl=en, Retrieved from internet on 4.10.2004
- Lydia Indriany Widjaja . 2003. Hubungan Antara Persepsi Terhadap Bebanan Kerja Dengan Kepuasan Kerja pada Guru Taman Asuhan Kanak-kanak. <http://www.psikologi-untar.com/abstrak/tampil.php?id=107>, Retrieved from Internet on : 12.10.20004
- Mohd Razali Othman & Abang Ali Abang Masagus.1998. Strategi Menangani Tekanan di Kalangan guru-guru Sekolah Menengah Zon A di bahagian Kuching/ Semarahan, Sarawak: Satu Tinjauan. <http://www.google.com.my/search?q=cache:MxavoYOQAOwJ:www.mpbl.edu.my/mpblo3/reaserch/1998/98Razali.pdf+jurnal+stress+guru&hl=en> :Retrived from internet on : 11.10.2004
- Mohammed Efendi .2001. Stres Akibat Kerja yang dihadapi oleh guru sekolah luar biasa .<http://www.google.com.my/search?q=cache:wmtfPDyc47AJ:www.depdiknas.go.id/jurnal..>Retrived from internet on: 3.10.2004

Majalah & Akhbar

Berita Harian. 2005. Tidak ada Guru Yang Saikit Mental Kerana Beban Tugas.

